Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 Na
No Perolehan: T 6988
Tarikh: 18 MAR 1986

PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN PERINGKAT KAMPUNG,

SATU KAJIAN KES KAMPUNG JERANG, TERIANG HILIR, NEGERI SEMBILAN.

OLEH

NAZELI BINTI HAMZAH

NO MATRIK 42586

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI,

UNIVERSITI MALAYA,

KUALA LUMPUR.

SESSI 1985/86.

University of Malaya

KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Daftar Kandungan | | |
| Penghargaan | | |
| Sinopsis | | |
| Lampiran peta | | |
| Bab Pendahuluan : | Tujuan dan bidang kajian | 1 |
| | Cara kajian | 2 |
| | (a) Soal selidik | 3 |
| | (b) Temu bual | 3 |
| | (c) Pemerhatian - penyertaan | 4 |
| | Kesulitan kajian | 5 |
| | Latar belakang kawasan kajian | 7 |
| Bab Dua : | Konsep dan teori peranan wanita | 11 |
| Bab Tiga : | Peranan wanita dalam rumahtangga | 16 |
| | Peranan wanita dalam bidang ekonomi | 26 |
| | Sumbangan daripada pendapatan isteri terhadap belanjawan keluarga | 32 |
| | Pendapatan keluarga | 33 |
| | (i) Pendapatan daripada pekerjaan tetap | 33 |
| | (ii)Pendapatan daripada pekerjaan sampingan | 34 |
| | Perbelanjaan dan simpanan | 35 |


University of Malaya

| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| Bab empat | : | Peranan wanita di luar rumahtangga | 37 |
| | (i) | Peranan wanita dalam pertubuhan bercorak ekonomi | 37 |
| | (ii) | Peranan wanita di dalam pertubuhan yang bercorak sosial | 38 |
| Bab Akhir | : | Kesimpulan | |
| | | Faktor-faktor penting yang mempengaruhi penyertaan wanita di dalam bidang sosio- ekonomi di luar rumahtangga | 41 |
| | (1) | Umur | 41 |
| | (2) | Taraf perkahwinan | 43 |
| | (3) | Saiz famili dan bilangan anak | 46 |
| | (4) | Pendapatan suami | 47 |
| Catatan | | | 49 |
| Bibliografi | | | 50 |

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang yang telah memberikan kekuatan, petunjuk dan kesabaran sehingga Lapuran Penyelidikan ini dapat disiapkan. Dengan sempurnanya Lapuran Penyelidikan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih, terutamanya kepada penyelia saya, Dr. Azizah Kassim diatas bimbingan dan nasihat beliau yang tidak ternilai besarnya sehingga selesainya latihan ini.

Seterusnya saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Zulkifli Hj Ahmad (Ketua pemuda UMNO Kampung Jerang ) dan puan Sharifah Ainon Syed Ali (Ketua KEMAS Kampung Jerang), ahli jawatan kuasa KEMAS Kampung Jerang yang telah memberikan kerjasama dan khasnya kepada Haji Arshad bin Kassim iaitu Ketua Kampung dan selaku keluarga angkat saya selama saya menjalankan kajian di kampung ini. Ucapan yang sama juga untuk rakan-rakan yang telah memberikan sumbangan moral kepada saya untuk menyiapkan lapuran ini.

Istimewa untuk ayah dan ibu yang telah banyak berkorban dan sering mendoakan kejayaan buat saya.

Akhir sekali, semoga segala jasa baik mereka Allah saja yang membalasnya.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI,

UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR. NO: MATRIK 42586.

University of Malaya

## SINOPSIS

Kajian tentang peranan wanita dalam pembangunan peringkat kampung, satu tinjauan dikalangan wanita di kampung Jerang, Teriang Hilir, Negeri Sembilan terkandung dalam beberapa bab.

Bab pendahuluan menerangkan apakah tujuan , bidang, metode serta kesulitan-kesulitan yang dialami semasa menjalankan kajian. Di dalam bab ini dimasukkan juga latar belakang kampung.

Bab kedua, pengkaji cuba menghuraikan mengenai konsep dan teori peranan wanita.

Bab ketiga, adalah berkenaan dengan peranan wanita dalam rumahtangga dan peranan wanita dalam bidang ekonomi samada yang berbentuk pertanian atau bukan berbentuk pertanian. Di dalamnya terdapat juga perbincangan mengenai pendapatan, perbelanjaan dan simpanan.

Bab keempat, membincangkan tentang peranan wanita di dalam kegiatan sosial di luar rumahtangga samada dikalangan masyarakat kampung ataupun dengan persatuan.

Bab akhir diterangkan tentang faktor-faktor yang menggalakkan dan penghalang penglibatan wanita di kampung ini di bidang sosio- ekonomi.

University of Malaya



P A H A N
130
132
134
136
S. Telemong
1128.7
Bt. Peninkin
1139.3
Bt. Lopak
923.2
Bt. Kutu
1202.7
Bt. Jinjang
S. Sertang
182.0
Pipe "N"
S. Jerang
S. Semai
S. Baris
S. Teriang
69.59
Kg. Rangoi
S. Tapah
62
79.52
125.9
Bt. S. Dus
634.9
Bt. Batu Berat
S. Beriam
S. Charak
R. K. T.
KG. EBOK
Kg. Bertam
RIZAB KENABOI
KENABOI
RIZAB MELAYU
JERANG ULU
S. Pertang
S. Maal
435.3
Bt. Chelak
S. Batu Hitam
84.16
R. K. T.
MENTAUS
60
73.52
Kg.
K. Jerang
69.13
Durian Tipus
TRIANG ILIR
Kg.
Mentaus
Kg. Baharu
Sabun
Kg. Bemban
S. Bemban Kiri
S. Labing
Kg. Lubok
Lawang
Kg. Chalin
Kg. Dusun
Umbut
R. K. T.
KG. KONGKOI
R. K. T.
KG. TELEKONG
Kg. S. Chua
Lebu
LADANG
S. KENABOI
S. Kongkoi
217.35
Chennah
Kg. Telekong
Kg. Siamat
Kg. Puom
LADANG
KONGKOI
Kg.
Kongkoi
Kg. Ulu
Gelimau
204.73
157.8
S. Jeram Enggang
S. Gersat
S. Penaboh
S. Batang Baris
S. Puom
S. Pikul
S. Kelintau
Kg. Kenan
R. M.
LEMBAH
KENABOI
Kg. Temelang
Kg. Pelong
S. Kenaboi
S. Nap
S. Triang
34
142.43
697.7
Bt. Batu Hangus
R. K. T.
S. MUNTOH
Kg. Serdai
S. Jerang
75.38
Kg. Simpang
Durian
R. K. T.
JUNTAI
77.57
LADANG
JUNTAI
S. Serdai
Kg. Juntai
56
212.8
Bt. Juntai
69.86
71.42
54
78.36
74.04
S. Jemelan
Kg. S.
Buloh
R.M.
JERLANG
ILIR
124.4
Bt. Kuala Es
Kg. Kerdau
S. Bemban Kanan
S. En
S. Triang
S. Pertang
S. Lakai
Kg. Lakai
R. K. T.
KG. LAKAI
Kg. Tg.
Kundang
210.9

## PETA KG JERANG



Bab Pendahuluan

Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah wanita luar bandar, terutama di kampong Jerang dapat memajukan diri mereka dalam berbagai bidang. Tujuan kajian ini juga ialah untuk melihat sumbangan wanita dalam menguruskan hal rumahtangga dan sumbangan mereka sebagai pembuat keputusan terutama dari segi perbelanjaan, simpanan dan lain-lain lagi dalam rumahtangga. Selain itu pengkaji juga mahu melihat apakah faktor yang bertanggungjawab di dalam menggalakkan wanita-wanita ini untuk bergerak cergas di dalam kegiatan sosial di luar rumah. Selain itu tujuan kajian ini juga adalah untuk melihat sumbangan wanita sebagai menambahkan pendapatan bagi keluarganya dengan cara keluar bekerja makan gaji atau bekerja sendiri seperti berniaga secara kecil-kecilan.

Kajian ini merupakan suatu kajian kes yang dijalankan ke atas kaum wanita di kampong Jerang. Tetapi disebabkan olih kerana penduduk di kampong ini tidak mencukupi seramai lima puluh orang responden wanita sebagaimana yang diperlukan oleh pengkaji, maka pengkaji juga telah mengambil kampong yang berhampiran untuk menambah responden wanitanya.

Kampong-kampong tersebut ialah kampong Bemban dan kampong Sabun. Kebanyakan daripada penduduk di kampong ini terdiri daripada petani yang mengusahakan kebun getah, tebu, pisang koko dan padi. Terdapat juga dikalangan mereka yang mengusahakan ternakan seperti kerbau,lembu dan kambing. Walaupun begitu ada juga yang bekerja makan gaji sebagai guru, buruh-buruh kilang dan ada yang mengambil upah bekerja di ladang-ladang kelapa sawit.

<u>Cara kajian</u>

Dalam kajian ini pengkaji mengambil 50 orang responden wanita. Perkara yang hendak dikaji termasuklah latar belakang responden dan keluarga mereka termasuk biodata keluarga, saiz famili, latar belakang responden(umur dan pencapaian pendidikan). Juga tentang sebab wanita bekerja, kemahiran dan pengalaman sebelum bekerja, sikap suami terhadap isteri mereka yang bekerja. Dimasukkan juga implikasi penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan iaitu implikasi keatas saiz famili dan implikasi keatas sosialisasi anak-anak. Keadaan sosial dan ekonomi responden juga dikaji iaitu merangkumi pendapatan, pembahagian pendapatan, bentuk-bentuk perbelanjaan harian dan tabungan. Dalam bahagian sosial pula, meliputi hubungan sosial sesama pekerja, tatatertib, cara menghabiskan masa lapang dan sebagainya.Dalam kajian ini pengkaji telah

University of Malaya

menggunakan tiga cara iaitu:-

(a) Soal selidik

(b) Temubual

(c) Pemerhatian penyertaan

(a) <u>Soal selidik</u>

Dalam soal selidik ini pengkaji telah menyediakan bentuk-bentuk soalan untuk dikemukakan kepada responden. Dalam hal ini pengkaji sendiri menemuramah responden berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji terdiri daripada dua bentuk iaitu soalan 'structured' atau soalan tertutup dan 'unstructured' atau soalan terbuka. Soalan tertutup merupakan bentuk-bentuk soalan yang telah disediakan jawapan untuk dipilih oleh responden. Soalan jenis ini selalunya dikemukakan untu mengetahui latarbelakang responden dari segi pekerjaan, umur, kedudukan ekonomi dan lain-lain keterangan yang dapat dipertuturunkan dalam bentuk jadual bagi menjelaskan keadaan ini. Sementara soalan terbuka pula adalah bentuk soalan dalam bentuk pendapat yang memerlukan penjelasan lanjut dari responden.

(b) <u>Temubual</u>

Berdasarkan keperluan untuk memenuhi dan melengkapi maklumat-maklumat yang dikehendaki tapi tidak dapat dipenuhkan oleh responden melalui soal selidik maka temubual diadakan.

University of Malaya

Dengan membiarkan mereka yang berkenaan memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara secara 'informal' kadangkala mereka seakan memberikan maklumat yang berkemungkinan tidak akan dikeluarkan secara sedar. Selain daripada responden, melalui cara ini pengkaji juga menemubual teman-teman responden secara tidak langsung untuk mendapatkan maklumat dan data dari mereka tentang wanita yang bekerja dan perkara-perkara lain. Perbualan juga mengujudkan hubungan yang mesra diantara pengkaji dan responden dan situasi begini adalah diperlukan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat.

Temubual seperti ini lebih berkesan kerana pengkaji tidak perlu menggesa responden untuk menjawap seperti dalam soal selidik. Biasanya pemgkaji mengadakan perbualan sampingan pada waktu-waktu tidak bekerja seperti waktu rehat, bersembang-sembang pada waktu lapang seperti waktu petang. Dalam perbualan ini secara tidak langsung responden bercerita dan pengkaji juga secara tidak langsung memperolehi data-data yang dikira penting.

(c) Pemerhatian- penyertaan

Pemerhatian- penyertaan ini adalah untuk melengkapi kedua cara tadi disamping membuktikan dan menguatkan lagi kebenaran jawapan dari responden.Selain daripada itu pemerhatian penyertaan digunakan untuk mengetahui perkara yang boleh dianggap sensitif oleh responden. Pemerhatian yang dibuat ke atas gerak laku wanita didalam masyarakat untuk memahami dengan lebih lanjut tentang keadaan, kedudukan dan aktiviti

mereka. Juga memberi gambaran dengan lebih jelas bagaimana kaum wanita menjalankan kerja-kerja mereka, cara dan kecekapan bekerja.

Kesulitan kajian

Kesulitan yang dikira besar ialah masalah untuk mendapatkan kerjasama dari responden untuk ditemubual, tapi ini tidak terjadi pada semua responden. Ada dikalangan responden yang mengecil-ngecilkan usaha pengkaji dengan mengatakan soalan-soalan seperti ini tidak perlu dijawab , tidak sesuai dan membosankan. Memandangkan soal jawab ini kadang-kadang berlaku dalam keadaan dimana ramai ahli lain yang mendengarnya, perkataan yang dikeluarkan kadang-kadang menjatuhkan imej dan daya pengkaji untuk bertanya dengan lebih mendalam hilang begitu saja. Masalah lain yang dihadapi ialah untuk mendapatkan suatu masa yang betul-betul sesuai bagi pengkaji mengadakan temubual iaitu dimana tidak begitu banyak kerja yang harus mereka lakukan dan juga dimasa rehat. Disebabkan masa itu sangat terhad pengkaji kadang-kadang berbual-bual dengan responden sewaktu pulang dari bekerja sudah tentu mereka letih dan kurang berminat untuk menjawab soalan dari pekerja.

Kesulitan- kesulitan lain yang timbul juga ialah untuk mendapatkan butir-butir yang betul dari responden, contohnya gaji, perbelanjaan simpanan dan hutang. Kadangkala mereka

~~agak keberatan untuk m~~

agak keberatan untuk mengatakan yang sebenarnya pada pengkaji dan pengkaji terpaksa meleret-leret pada perkara-perkara lain dahulu dan secara tidak disedari mereka, data-data itu dapat diketahui. Dan itu tentunya memerlukan masa yang panjang.

Pengkaji juga menghadapi masalah pengangkutan semasa menemui responden iaitu terpaksa berjalan jauh dari satu rumah ke satu rumah terutama ke kampong Bemban yang jauhnya kira-kira dua batu dari kampong Jerang. Untuk ke kampong Bemban pengkaji juga terpaksa melalui jalan tanah merah yang berdebu dan lecak diwaktu hujan. Pengkaji juga kurang mendapat kerjasama daripada ketua kampong dan penghulu, kerana sebelum ini telah ramai pelajar-pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang membuat kajian di kampong ini. Ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk memberikan kerjasama kepada pengkaji. Begitu juga dengan penduduk-penduduk di kampong ini, mereka juga kurang memberikan kerjasama kerana sebelum ini telah diadakan banci mengenai projek sosio-ekonomi pada tahun 1984. Dengan itu responden merasa jemu dengan soalan-soalan yang lebih kurang sama yang dikemukakan oleh pengkaji. Mereka menganggap perkara yang dikaji itu sama sahaja, tetapi mereka masih juga berada ditahap lama iaitu tidak ada apa-apa perubhan yang dibuat oleh kerajaan kepada mereka. Sindiran seperti ini menyebabkan pengkaji merasa malu dan rendah diri.

Latarbelakang kawasan kajian.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pengkaji pada peringkat awal lagi, kajian ini adalah meliputi kampong Jerang dan kampong -kampong yang berdekatan iaitu kampong Bemban dan kampong Sabun. Ketiga-tiga kampong ini adalah dibawah pimpinan seorang ketua kampong iaitu Haji Arshad bin Kassim atau lebih dikenali sebagai panggilan 'Tok Empat'. Mengikut bancian terakhir yang dibuat oleh Persatuan Belia dan badan politik (UMNO) kampong Jerang pada tahun 1984 terdapat seramai 937 orang penduduk di kampong ini.

Kesemuanya terdiri daripada orang melayu yang berugama Islam. Menurut cerita Tok Empat kampong ini dipanggil kampong Jerang kerna pada masa dahulu di hulu sungai yang dipanggil sungai Jerang sekarang ini terdapat satu batu besar yang 'terjerang' di amtara duabatu yang lain. Kampong Jerang mengikut sejarahnya , pada mulanya adalah sebuah kampong kecil. Penduduk-penduduknya hidup dalam keadaan berpindah randah seperti orang sakai. Mereka menanam tebu dan padi bukit. Setelah tanaman padi dimulakan di sini, penduduk-penduduk di sekitarnya mula tinggal secara menetap. Sehingga kini kebanyakan daripada penduduk di kempong ini mengusahakan tanaman padi, tebu, koko, pisang dan getah disamping itu terdapat juga diantara mereka yang bekerja di ladang-ladang

kelapa sawit di FELCRA dengan cara mengambil upah. Ada segelintir daripadanya yang bekerja sebagai guru, berniaga dan berkhidmat dalam angkatan tentera.

Terdapat juga kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dari mulanya kampong ini dibuka sehingga sekarang. Balai raya telah didirikan dan jalanraya-jalanraya juga telah dibaiki yang mana jalan tanah merah telah digantikan dengan jalan batu. Begitu juga dengan masjid-masjid lama dan surau-surau telah digantikan dengan mesjid yang baru. Sekolah-sekolah telah dibuka, antaranya Sekolah Kebangsaan Durian Tipus dan Sekolah Menengah Ugama Teriang Hilir. Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan termasuklah sebuah pondok talipon awam dan sebuah kelinik bidan. Walau bagaimanapun perkhdimatan pengangkutan agak sukar kerana hanya terdapat sebuah bas sahaja dalam masa satu jam.

Di kampong ini juga terdapat Pertubuhan Koperasi yang dipengerusikan sendiri oleh Tok Empat yang diberi nama Koperasi Pengeluar, Koperasi Induk dan Koperasi Pengguna. Ketiga-ketiga Koperasi ini akan bergabong apabila terdapat masaalah seperti masaalah orang tengah. Manakala pertubuhan politik iaitu (UMNO) juga agak aktif menjalankan kegiatannya, sebagaimana pada tahun lepas mereka telah menjalankan bancian penduduk dan pada 6 haribulan April,1985 mereka telah mengadakan perojek sosio-ekonomi dan khemah kerja di kampong Bemban. Dalam kajian ini pengkaji telah mengambil beberapa

orang responden wanita daripada kampong Bemban maka pengkaji akan menyentoh serba ringkas mengenai kampong Bemban.

Kampong Bemban merupakan kampong yang terulung sekali diterokai daripada kedua-dua kampong tersebut. Kampong inii berlatar belakangkan banjaran bukit-bukit dari selatan yang bermula dari Air Hitam, Bahau hingga ke utara sampai ke sempadan Negeri Sembilan - Pahang, iaitu kampong Jejawi. Kampong ini telah dipercayai mula diterokai antara tahun 1700-1750, tarikh sebenarnya tidak dapat ditentukan kerana kekurangan fakta-fakta sejarah. Dari semasa kesemasa kampong Bemban terus membangun sebagai sebuah kampong Tradisional Melayu dengan sawah yang luas terbentang dan kampong menghijau dengan tumbuhan dusun seperti pokok-pokok durian yang menjadi hasil utama sekarang.

Zaman kegemilangan kampong Bemban adalah tahun-tahun akhir sebelum pemerintahan Jepun. Ketika itu penduduknya seramai 48 keluarga dan disitu terdapat sebuah madrasah bagi menjalankan kegiatan agama. Apabila negara kita dalam keadaan darurat, dan Jelebu sendiri diletakkan dalam kawasan hitam kira-kira dalam tahun 1948 hingga 1949 penduduk kampong Bemban telah berpindah ke kampong-kampong yang berhampiran yang keadannya lebih selamat iaitu kampong Jerang, kampong Mentaus dan kampong Sungai Buluh. kampong Bemban tinggal sepi selama lebih kurang 12 tahun.

Apabila negara sudah mencapai kemerdekaan dan kemudiannya darurat diistiharkan tamat, sedikit demi sedikit penduduk asal kampong Bemban beransur-ansur pulang. Kepulangan mereka adalah seolah-olah menerokai semula kampong tersebut, kerana sawah bendang telah menjadi hutan muda, pokok buah-buahan telah banyak yang mati, rumah-rumah yang ditinggalkan dahulu sudah roboh. sehingga sekarang hanya 18 keluarga yang masih bermastautin di kampong tersebut. Mereka yang lain terus menetap di tempat perpindahan mereka dahulu tetapi masih berkepintingan di Bemban terutama pada musim buah-buahan.

Hingga sekarang tidak ada sebarang kemudahan asas yang ujud di kampong Bemban yang kini dibawah pentadbiran jawatan-kuasa kamping Jerang. Hanya sebuah jambatan usang yang merintangi Sungai Teriang yang menjadi penghubung utama kampong tersebut dengan kampong-kampong yang berdekatan.

Dari segi pendidikan, kanak-kanak dari Bemban bersekolah di Sekolah Kebangsaan Durian Tipus, Sekolah Kebangsaan Sungai Buluh dan Sekolah Agama Jerang. Ada juga yang belajar di-Sekolah Menengah Teriang Hilir. Kini penduduk kampong Bemban hidup dalam keadaan serba kekurangan, namun mereka terus bekerja membanting tulang mengusahakan tanah untuk sawah, dusun dan getah. Hubungan yang harmonis dan semangat gotong royong diantara 18 keluarga ini amat baik.

BAB DUA

KONSEP DAN TEORI PERANAN WANITA.

Kaum wanita tidak dapat lari daripada tanggungjawab nya didalam rumahtangga. Wanita yang bekerja juga tidak terkecuali daripada tugas dan peranan tersebut. Selain daripada bekerja di luar rumah, segala urusan rumahtangga seperti memasak , mengemas,mengasuh dan mendidik anak-anak adalah tugas dan tanggungjawab seseorang suri rumah.

Edmun Dahlstrom mengatakan bahawa:

"This work division is largely a product of preavailing family norms ant it is fully justified to describe the mother as carrying out a dual job." (1967: 31)

Seorang wanita surirumah, selain daripada mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap rumahtangga dan keluarga, tidak terlepas pula daripada peranannya terhadap masyarakat. Oleh itu sememangnya tepat seperti yang dikatakan oleh Dahlstrom bahawa seseorang suri rumah itu memainkan 'dwi peranan'. Antara masalah pengurusan rumahtangga dan "social obligations" serta "economic obligations" tidak ternampak sebarang kerumitan yang membolehkan wanita itu mengabaikan salah satu daripada peranan dan tugasnya itu.

Didalam pengurusan rumahtangga masalah kewangan merupakan suatu masalah yang penting terutama bagi seseorang suri rumah untuk hal-hal bersabit dengan pengurusan rumah tangganya

University of Malaya

tangganya. Dengan terdapatnya lebih daripada satu saluran untuk menambahkan pendapatan keluarga, maka kaum wanita telah bergiat didalam berbagai-bagai bidang ekonomi untuk membantu suami, meringankan bebanan didalam urusan mencari pendapatan.

Kegigihan dan ketekunan wanita didalam bidang ekonomi di kampong ini amat jelas dilihat dimana hampir keseluruhan wanita di sini bekerja didalam bidang pertanian dan bukan pertanian.

Kaum wanita mempunyai kekuatan daya fizikal yang terhad dan kurang berbanding dengan kaum lelaki. Oleh itu tugas dan peranan wanita hanya berlengkar kepada kerja-kerja ringan didalam dan dikeliling rumahtangga sahaja. Tugas seperti memasak, menjaga anak, membuat kraftangan dan mengemas rumah dianggap sebagai "feminine" sesuai dengan sifat wanita yang dianggap lemah lembut. Aktiviti seperti memburu dan mengumpul makanan dan kerja-kerja binaan lebih bercorak "masculine" dan sesuai dengan keupayaan fizikal seorang lelaki. Konsep peranan biasanya dikaitkan dengan status atau kedudukan. Ini disebabkan individu yang memegang peranan yang tertentu, akan mempunyai kedudukan yang tertentu dari segi susun lapis sosial dimana semakin penting peranan yang dimainkan oleh seseorang itu kepada masyarakatnya

semakin tinggi pula status dan kedudukannya.

Berbagai definisi telah diberikan untuk memahami tentang konsep peranan.Mengikut Linton:

> "....... a role represent the dynamic aspect of a status when an individual puts the rights and duties into effect, he is performing a role...... "(Ralph Linton 1936 : 6 )

yang dimaksudkan oleh Linton ialah sesuatu peranan merupakan aspek dinamik daripada satu-satu status. Apabila individu menjalankan tugas dan tanggungjawab maka dia adalah melakukan satu peranan.

Rosaldo M.Z pula telah mengemukakan konsep "sexual assymetry" iaitu ketidakseimbangan penilaian dari segi budaya dan masyarakat keatas peranan dan status antara lelaki dan wanita. Beliau mengatakan:-

> "...... woman may be important,powerful, and influential out seems that , relative to men of their age and social status, women everywhere lack generally recognized and culturally valued authority" (1974: 17)

Bagi menyokong hujah-hujah yang diperkatakannya itu Rosaldo telah mengemukakan contoh dari setengah-setengah tempat di New Guinea, yang mana kaum wanita dan lelaki

telah sama-sama menjalankan aktiviti ekonomi iaitu bertani. Kaum wanitanya menanam keledek sebagai bahan makanan sehari-hari, dan kaum lelaki pula menanam keladi iaitu bahan makanan yang akan digunakan dalam upacara dan perayaan-perayaan tertentu. Keladi mempunyai nilai yang tinggi, mengikut kepercayaan mereka. Oleh kerana itu kaum lelaki diberi nilai yang tinggi daripada kaum wanita oleh masyarakat kerana aktiviti pertanian tersebut, walaupun kedua-duanya lelaki dan wanita bergiat dalam bidang ekonomi.

Konsep "sexual Assymetry" ini timbul adalah disebabkan terdapatnya pembahagian antara 'domestic' dan 'public'. Rosaldo telah memberikan istilah domestic sebagai berikut:

> ".....those minimal institutions and modes of activity that are organised immediately around one or more mothers and their children".

Manakala public pula:

> " activities, institutions and forms of association that link, rank, organize or subsume particular mother- child groups"..... (1974:23 )

Kenapa wanita tinggal dalam lingkungan "domestic"? Ini adalah kerana proses dan asas biologi yang menyebabkan mereka berperanan sebagai ibu yang bertanggungjawab melahirkan dan mendidik anak-anak. Bagi kaum lelaki pula mereka bebas

dari ikatan tugas membesarkan anak-anak. Disebabkan kebebasan inilah mereka bebas keluar dari lingkungan "domestic" dan melibatkan diri dengan aktiviti didalam lingkungan public seperti dalam sistem ekonomi, politik dan sosial. Apabila perkara ini telah menjadi kebiasaan, maka ia menjadi sistem dan diterima sebagai aspek kebudayaan masyarakat.

Kajian yang dijalankan di kampong Jerang dan dua buah kampong tersebut adalah untuk melihat samada pendapat dari sarjana-sarjana Barat itu dapat diapplikasikan keatas peranan dan tugas wanita di sini.

University of Malaya

BAB TIGA

PERANAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA.

Salah seorang responden yang ditemui iaitu puan Sharifah Ainon, isteri seorang tentera memberitahu "tidaklah patut kalau seorang isteri terlalu meminta hinggakan tidak mengira sama ada ia termampu oleh suami atau tidak. Sebagai seorang guru KEMAS di kampong Jerang ini, puan Sharifah Ainon menambah, dia memang sedar betapa susahnya mencari rezeki yang halal dan kerana itulah beliau tidak meminta benda yang bukan-bukan, apatah lagi yang tidak termampu diadakan oleh suaminya. Kerana itu tegasnya amatlah penting agar seorang isteri mengambil tahu serba sedikit tentang pekerjaan suaminya agar dia benar-benar faham akan kedudukan suaminya.

Dengan memahami akan tugas dan tanggungjawab suami, seorang isteri tidaklah akan mengganggu sisuami tidak tentu arah dan dengan itu dapatlah suami bekerja dengan baik dan licin. Soal gaji pula, tidaklah salah kalau seorang suami berterus terang dengan isterinya. Dengan cara ini akan fahamlah siisteri akan kedudukan dan kemampuan suaminya yang sebenarnya.

Para isteri ini juga telah diajak berunding sama semasa merancang perbelanjaan keluarga, kemudian sama-samalah menentukan keperluan utama rumahtangga, anak-anak dan suami isteri.

University of Malaya

Daripada 50 responden wanita yang ditemui terdapat 20% daripadanya yang bekerja makan gaji. Setiap bulan apa yang mereka lakukan ialah mencampurkan pendapatan mereka suami isteri dan dari jumlah itu mereka membahagikan perbelanjaan mengikut yang mana perlu, khasnya belanja pasar, bayar hutang kereta dan sebagainya.

Satu perasaan yang harus dikikis daripada perasaan setiap isteri , kata mereka ialah "ingin bersaing atau menandingi jiran tetangga". Kaum wanita di kampong Jerang ini juga menyatakan adalah menjadi tanggungjawab seorang, isteri tidak kira sama ada dia bekerja atau tidak mestilah berusaha dan memastikan bahawa suami dapat pergi ke pejabat awal. Segala keperluan seperti pakaian dan sarapan hendaklah disediakan dengan baik agar suami dapat bekerja dengan hati yang senang dan tenang.Masalah rumahtangga yang remeh temeh tidak sepatutnya dibebankan semuanya kepada suami. Sebagai rakan pemegang teraju rumahtangga adalah menjadi tanggung jawab isteri untuk cuba mengatasi masalah-masalah kecil seberapa yang boleh. Soal anak-anak juga sepatutnya dibereskan yang mana termampu, tidaklah payah mengganggu suami semasa di pejabat atau ditunggu sehingga suami balik dari pejabat atau ladang.

Kaum wanita di kampong ini sebenarnya adalah suri-suri rumahtangga yang sentiasa mempastikan bahawa segala tugas dan tanggungjawabnya dapat dilaksanakan dengan

University of Malaya

sempurna, kerana itu sebilangan besar daripada masa mereka dihabiskan di rumah menguruskan rumahtangga mengasuh dan mendidik anak-anak. Bagi mereka yang bekerja pula, hari-hari cuti terutama hari Ahad dipenuhi dengan menguruskan hal-hal rumah tangga seperti yang dinyatakan diatas tadi. Jika ada masa yang terluang mereka akan menumpukan perhatian di halaman rumah yang menghijau, seperti menanam sayur-sayuran dan pokok-pokok bunga. Bagi mereka sebagai isteri khasnya sudah menjadi satu perkara biasa bagi mereka untuk membantu sama meringankan bebanan suami, selain dari kerja-kerja menyediakan makan minum, menjaga pakaian dan mengasuh anak-anak serta melayan suami.

Tenaga dan tulang empat kerat bagi mereka yang menghambakan diri pada tanah yang subur, bergantung hidup pada tumbuh-tumbuhan, adalah punca utama yang membolehkan mereka terus hidup dan menikmati keselesaan mahupun kesenangan. Tepat waktunya pukul 5 pagi, isteri-isteri kaum tani, tidak terkecuali isteri-isteri yang bekerja telah bangun dari tidur. Ini adalah satu kebiasaan yang sudah lali bagi mereka. Air mesti dijerang, kuih muih samada untuk sarapan keluarga ataupun untuk dijaja mesti dibuat, nasi perlu ditanak, lauk pauk harus disediakan, pakaian juga mesti dicuci dan akhirnya rumah pula harus dikemas rapi. Sebaik-baiknya sebelum anak-anak dan suami bangun untuk bersarapan.

Selesai kerja mereka dipagi itu khususnya segala keperluan keluarga dan rumahtangganya, terutama bagi anak-anak yang akan ditinggalkan dan setelah anak-anak yang lain ke sekolah, siisteri akan mengiringi suaminya turun ke ladang getah. Dengan pakaian yang lusuh sahaja dengan bertudung kepala mahupun topi, membawa sabit dan cangkul dengan tekun mereka sama-sama memerah keringat hinggalah matahari naik meninggi. Dari tanah kosong seluas antara 1-3 ekar untuk satu keluarga sisuami yang dibantu oleh isterinya mesti berganding bahu membersihkan ladang, membaja menanam dan seterusnya menjaga tanaman mereka hingga subur dan dapat menghasilkan buah-buah yang mendatangkan faedah besar seperti buah koko.

Setelah selesai kerja di ladang siisteri harus pulang awal sedikit dari suaminya untuk menyediakan makanan tengahari bagi anak-anak yang ditinggalkan atau yang akan pulang dari sekolah.Setelah selesai semuanya disebelah petang ada para isteri yang pandai menjahit akan mengambil upah menjahit baju untuk menambahkan pendapatan keluarga sehari-hari. Pendek kata kaum  wanita di kampong ini tidak duduk diam sampailah ke malam harinya, dimana mereka akan meneruskan kerja-kerja menjahit.

Kerja-kerja dalam rumahtangga seperti memasak dan membasuh baju adalah dilakukan sendiri oleh para isteri. Sementara kerja-kerja yang agak berat sedikit seperti mengambil

air dari perigi dan mengangkat kayu api akan dibantu oleh suami dan anak-anak mereka. Pada kebiasaan sisuami akan membantu isterinya pada sebelah petang iaitu setelah sisuami habis bekerja. Tetapi berlainan pula dengan isteri yang bekerja makan gaji seperti menjadi guru yang mana sisuami akan membantu dalam segala urusan rumahtangga iaitu kalau siisteri memasak suaminya akan menolong memotong sayur atau mencuci pinggan. Tetapi walau bagaimanapun ini hanya berlaku pada pasangan yang belum lagi mempunyai anak-anak perempuan yang dewasa kerana bagi keluarga yang sudah ada anak perempuan yang dewasa biasanya sisuami tidak lagi membantu kerja-kerja di dapur. Di bawah ini kita lihat jadual pembahagian kerja yang dilakukan dalam rumahtangga Dari jadual ini dapat dirumuskan bahawa isterilah yang lebih banyak menjalankan kerja-kerja dalam rumahtangga. Cuma pada tugas mengambil air atau kayu api lebih banyak dilakukan oleh suami.
Lihat Jadual 3.1)

Dari kajian yang telah dijalankan didapati kebanyakan kaum wanita di kampong ini lebih menitikberatkan soal menjaga anak-anak sebagai tugas utama. Bagi mereka anak-anak adalah harta yang paling bernilai kerana apabila anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran dan menjawat jawatan tinggi sudah tentu masa depan anak mereka terjamin.

University of Malaya

Jadual 3.1

| kerja dalam rumahtangga | dilakukan oleh isteri sahaja % | dibantu oleh | |
|---|---|---|---|
| | | anak-anak % | suami % |
| menjaga anak-anak | 70% | 20 % | 10 % |
| memasak | 40 % | 30 % | 10 % |
| mencuci baju | 80 % | 20 % | – |
| ke pasar | 40 % | 20 % | 40 % |
| mengambil air/ kayu | 20 % | 20 % | 60 % |

Walaupun tugas menjaga dan membesarkan anak-anak dengan memberikan pelajaran ugama yang cukup adalah menjadi kewajiban seorang isteri tetapi suami juga bertanggung jawab mencari wang untuk membesarkan anak-anak. Jadi suami isteri di kampong ini adalah berganding bahu untuk membentuk sebuah rumahtangga yang aman dan damai.

Dari soal mendidik anak-anak kita lihat pula urusan ke pasar yang dilakukan oleh siisteri atau sisuami. Biasanya apabila sisuami sibuk ke ladang- ladang atau pergi bekerja siisterilah yang memainkan peranan membeli barang-barang keperluan dapur. Biasanya kaum wanita di kampong ini membeli barang keperluan mereka satu minggu sekali

iaitu mereka membeli barang-barang tersebut di pasar Rabu Simpang Durian yang jauhnya kira-kira dua batu dari kampong itu. Di pasar ini barang-barang lebih murah dan mereka dapat berjimat serba sedikit. Dan daripada baki belanja dapur itu disimpan oleh para isteri untuk tabungan apabila kesesakan seperti belanja sekolah anak-anak. Biasanya mereka belanja ala kadar sahaja, cuma pada hari-hari hendak menyambut perayaan seperti Hari Raya barulah mereka berbelanja lebih sedikit.

Manakala dalam urusan membersihkan kawasan rumah, biasanya dilakukan oleh kaum wanita pada sebelah petang. Mereka akan dibantu oleh para suami, sisuami akan membakar sampah sarap yang dikumpulkan oleh isteri tadi. Ini dilakukan adalah untuk mengelakkan daripada serangan nyamuk-nyamuk pada waktu malam kerana rumah mereka dikeliling oleh pokok-pokok koko dan getah.

Sementara itu menyediakan makanan untuk keluarga dilakukan tiga kali sehari oleh para isteri, Bagi mereka yang suaminya bekerja teruk di ladang seperti mencangkul pada pagi hari siisteri akan membekalkan nasi untuk suami mereka dan akan menghantar makanan pada waktu tengahari pula sekiranya suami tidak pulang. Bagi mereka yang suaminya

bekerja sebagai guru mereka hanya menyediakan sarapan seperti kuih muih dan bilawaktu tengahari anak-anak akan berkumpul makan bersama ibu dan ayah mereka. Biasanya bagi penduduk di sini mereka akan berkumpul satu keluarga pada waktu malam, kerana pada waktu ini mereka berehat setelah penat bekerja pada waktu siang. Pada waktu malam tugas siisteri ialah mengajar anak-anak mereka mengaji Al -Quran dan ada di antara mereka yang pergi ke masjid bersembahyang jemaah pada waktu maghrib, isyak dan subuh.

Setiap hari beginilah yang dilakukan oleh kaum wanita di kampong ini sebagai suri rumahtangga dan pekerja kerajaan. Walaupun mereka merasa letih dengan kerja-kerja tersebut tetapi mereka merasa senang dapat menjalankan tanggungjawab terhadap rumahtangga khasnya terhadap anak-anak dan suami.

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN

Di bawah ini kita lihat sebuah klinik dan rumah bidan iaitu salah satu daripada kemudahan yang telah disediakan untuk keperluan penduduk-penduduk kampung ini.



Balairaya yang digunakan oleh kaum wanita di kampung ini untuk aktiviti KEMAS.




PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Salah satu daripada pemandangan ladang getah yang diusahakan oleh penduduk-penduduk di kampung ini.



Masjid kampung Jerang yang digunakan oleh penduduk-penduduk di kampung ini untuk menunaikan ibadat sembahyang dan lain-lain kegiatan ugama.



## PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI.

Di kampung Jerang ini aktiviti-aktiviti ekonomi yang penting sekali ialah menoreh getah, menam tebu dan pisang. Di antara ketiga aktiviti ini, menoreh getahlah yang utama, untuk mendapatkan perbelanjaan sehari-hari. Manakala menanam tebu dan pisang hanyalah dilakukan oleh sebilangan kecil penduduk sahaja.

Di samping menoreh getah, menanam tebu dan pisang terdapat juga orang-orang kampung yang berdusun, menanam kelapa serta berternak kerbau, lembu dan ayam itik. Tapi ini cuma sebagai penambahan pendapatan sahaja. Buah-buahan dan kelapa ini dijual hanya bila terdapat lebihan daripada yang untuk dimakan. Orang-orang kampung ini berjual sekiranya ada orng datang ke rumah hendak membeli ayam atau ubi kayu misalnya dan sekali sekala membawanya ke pasar Rabu yang jauhnya kira-kira dua batu dari kampung ini. Pasar Rabu ini diadakan seminggu sekali di Simpang Durian.

Tanah-tanah sawah dan getah yang dikerjakan oleh penduduk-penduduk di sini adalah tanah mereka sendiri yang mereka dapati daripada pesaka atau yang dibeli sendiri.

University of Malaya

Tanah-tanah ini mereka kerjakan dengan dibantu oleh anak dan isteri. Tanah sawah lazimnya terdapat berdekatan dengan tempat tinggal petani-petani itu. Terdapat juga tanah-tanah sawah yang disewakan kepada orang lain tapi ini hanyalah oleh mereka yang tidak berupaya untuk mengerjakan tanah sawahnya kerana keuzuran atau kerana ada perkerjaan yang lain seperti berkedai. **Dalam mengerjakan getah,** tiada terdapat persamaan kerja yang khususnya di antara suami dan isteri. Dalam mengerjakan getah sering kali isteri itu membantu suaminya menoreh getah, biasanya si isteri menolong suami di sebelah pagi dan pada sebelah tengaharinya si isteri akan balik ke rumah untuk mengurus kerja-kerja di rumah pula seperti menyediakan makan tengahari. Di sini pembahagian kerja hanya berdasarkan pada ringan dan beratnya pekerjaan itu. Umpamanya dalam kerja yang lebih berat seperti mengandar atau membawa susu getah yang telah dikumpul ke tempat mesin getah si suami akan mengerjakan. (Rujuk jadual 2

<u>Peringkat dalam perusahaan getah</u> .

| Aktiviti | orang yang selalu melakukan | orang yang menolong |
|---|---|---|
| Menoreh | suami | isteri/anak |
| Mengumpul susu getah dari cawan ketangki | isteri | anak |
| Mengangkat susu | suami | anak lelaki |
| Membancuh susu | isteri | - |
| Memesin getah | isteri dan suami | anak |
| Menjemur | isteri | anak perempuan |
| Memasar/menjual | suami | - |

Dalam mengerjakan sawah pula, wanita memainkan peranan yang penting sekali malahan mengerjakan sawah merupakan pekerjaan yang utama kepada mereka selain daripada mengurus rumahtangga. Menyangkul dan menebas dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Ketika mengangin padi iaitu membersihkan padi hampa dengan berisi, hanya kaum-kaum wanita sahaja yang melakukannya.

Selain daripada mengerjakan sawah dan menoreh getah sebagai menambah pendapatan keluarganya terdapat juga kaum wanita di kampung ini bertanam sayuran, ubi, pisang dan berternak ayam itik untuk kegunaan sendiri atau berjual. Di samping itu ada juga yang berjual kuih seperti tapai ubi, lepat pisang di pasar Rabu dan di kantin sekolah di Simpang Durian. Daripada pendapatan yang sebegini dapat ia menambah perbelanjaan sehari-harinya atau perbelanjaan untuk persekolahan anak-anaknya. Bagi mereka yang mempunyai masa-masa lapang atau yang umurnya telah lanjut dan tidak lagi berupaya untuk mengerjakan sawah, mereka membuat tikar untuk kegunaan sendiri. Dengan cara ini dapat juga mereka mengurangkan perbelanjaan rumah.

Dalam kes-kes di mana wanita itu seorang janda atau balu, mereka mengerjakan getah bukan untuk menambah pendapatan keluarga seperti yang dilakukan oleh isteri-isteri tetapi untuk mencari nafkah hidup dan anak-anak.

University of Malaya

Di kalangan janda-janda yang masih lagi muda dan mempunyai kedua ibubapanya, mereka tinggal sahaja bersama-sama ibubapa dan mengerjakan tanah sawah dan getah.

Di kalangan janda yang mempunyai anak-anak yang telah pun berkeluarga sendiri, mereka tinggal bersama-sama salah seorang daripada anak-anaknya, menjaga cucu, sementara anak dan menantu mencarikan nafkah sekeluarga. Tetapi walaubagaimanapun terdapat satu kes di kampung Bemban di mana seorang wanita tidak mahu tinggal bersama anak mereka di bandar. Ia lebih suka tinggal di rumahnya yang sudah buruk dengan mengusahakan dusun dan menternak lembu. Anak-anak gadis di kampung ini turut juga membantu ayah dan ibu mereka dalam mengerjakan padi dan getah . Mereka ini biasanya tidak bersekolah atau sudah tamat darjah enam tidak lagi meneruskan pelajaran.

Ada juga mereka yang meneruskan pelajaran ke sekolah Arab membantu ibunya menoreh getah pada paginya dan ke sekolah pada tengahari hingga ke petang. Walaupun begitu kebanyakan gadis-gadis dari keluarga yang tidak begitu kesempitan hidupnya, hanya duduk di rumah menjaga adik-adik dan membantu kerja-kerja di rumah.

University of Malaya

Walaupun terdapat ramai daripada wanita-wanita di kampung Jerang itu turut serta dalam menoreh getah untuk menambahkan pendapatan keluarganya tidak semuanya pula mengerjakan aktiviti-aktiviti ekonomi ini. Dari pada rajah yang disertakan dapat diketahui secara kasar akan bilangan wanita yang turut berserta dalam pe-nambah pendapatan keluarganya. (rajah 3.2)

Rajah 3.2 <u>Bilangan wanita yang menyertai aktiviti ekonomi</u>.

| | Kumpulan-kumpulan wanita | Bil. |
|---|---|---|
| 1. | Wanita-wanita yang mengerjakan padi dan kerja-kerja rumah. | 18 |
| 2. | Wanita-wanita yang mengerjakan getah dan kerja-kerja rumah. | 20 |
| 3. | Wanita-wanita yang mengerjakan lain-lain pekerjaan dan kerja-kerja rumah. | 7 |
| 4. | Hanya menguruskan kerja rumah. | 5 |
| | Jumlah | 50 |

Daripada sini dapat dilihat bahawa sejumlah besar iaitu 45 daripada 50 respondan wanita di kampung ini membantu keluarganya dalam mengerjakan getah dan sawah dan dalam lain-lain pekerjaan seperti menjaga kedai.

University of Malaya

Dengan cara begini dapat mereka menambah pendapatan keluarga tidak hanya berharapkan pada suami mereka untuk mencari sara hidup. Mereka yang hanya tinggal di rumah dan mengerjakan kerja rumah sepenuh masa berjumlah 10% satu bilangan yang kecil sahaja. Peringkat umur wanita yang memainkan peranan dalam ekonomi kampong ini dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu daripada 20 - 40 tahun dan daripada 40 - 70 tahun. Daripada pembahagian umur ini didapati yang dalam peringkat 1, kaum wanitanya aktif dalam mengerjakan sawah atau menoreh getah atau dalam pekerjaan lain yang dapat menambahkan pendapatan keluarga.

Manakala peringkat ke 2 iaitu yang dari 40 - 70 tahun hanya sebilangan kecil sahaja iaitu bertiga daripada lima wanita-wanita yang ditemui yang masih mengerjakan tanah iaitu bersawah, sementara yang lain-lain tinggal di rumah menjaga cucu atau berternak ayam.

Di samping itu terdapat juga wanita-wanita yang dalamnya peringkat 2 tiada melakukan apa-apa pekerjaan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di kampong ini. Mereka ini adalah isteri kepada mereka yang bekerja dengan kerajaan yang diam di sini.

Sumbangan daripada pendapatan isteri terhadap belanjawan keluarga.

Di dalam kajian yang telah dibuat dikalangan kaum wanita yang bekerja adalah didapati tujuan utama sebilangan besar para isteri turut bekerja adalah untuk menambahkan pendapatan disamping mahu memberikan keselesaan hidup pada keluarganya, oleh itu mereka tidak teragak-agak untuk menyerahkan wang gaji bulanan untuk dibelanjakan demi untuk kebahagiaan keluarga dan keharmonian rumahtangga.

Lazimnya apa yang mereka lakukan kedua-dua gaji suami dan isteri akan disatukan terlebih dahalu kemudian dibahagikan mengikut peruntukan yang telah di tentukan. Belanjawan yang diatur akan merangkumi setiap aspek dari perbelanjaan untuk makanan dan barang-barang keperluan keluarga hinggalah kepada belanja untuk anak-anak (termasuk permainan dan makanan mereka), pakaian, pasar, duit api dan air, duti minyak kenderaan ataupun tambang, perbelanjaan sekolah anak-anak, untuk hutang piutang dan tidak ketinggalan peruntukan untuk wang saku suami dan isteri, untuk simpanan dan saham.

Pendapatan.

Sumber pendapatan utama penduduk kampong ini adalah datang daripada sektor pertanian seperti getah dan padi.

Pendapatan Keluarga.

| Pendapatan respondan | Bil respondan. |
|---|---|
| $150 | 10 |
| $151 - 300 | 17 |
| $301 - 450 | 11 |
| $451 - 600 | 10 |
| $601 - 750 | 1 |
| $751 - 900 | 1 |
| Jumlah | 50 |

(i) Pendapatan daripada pekerjaan Tetap.

Pendapatan yang diperolehi daripada getah adalah bergantung kepada harga getah di pasaran dunia. Oleh itu pendapatan yang diperolehi dari getah tidaklah tetap. Keluasan tanah getah juga keupayaan untuk mengerjakan pokok-pokok getah juga menentukan jumlah pendapatan yang diperolehi.

Pendapatan yang diperolehi biasanya di antara $200 - $300, kadang-kadang meningkat kepada $500 sebulan iaitu menoreh bergantung kepada cuaca dan kemampuan fisikal.

University of Malaya

(ii) Pendapatan daripada pekerjaan Sampingan.

Hasil pendapatan daripada jualan kuih muih tidaklah besar keuntungan yang diperolehi adalah sangat sedikit kerana wanita-wanita yang melakukan kegiatan ini tidaklah begitu serius penglibatannya. Pendapatan yang diperolehi bolehlah meringankan bebanan suami serta menampung perbelanjaan harian sahaja. Dalam sehari jualan, keuntungan yang mereka dapat adalah di antara $5 - $10 setelah ditolak hutang bahan-bahan membuat kuih.

Perbelanjaan Rumah.

Dari segi ekonomi, selain daripada memperkatakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh kaum wanita dalam keluarganya, diambil juga perhatian tentang perbelanjaan di rumah iaitu di antara suami dan isteri. Siapa di antara mereka yang lebih berkuasa atas perbelanjaan rumahtangganya.

Daripada temubual 50 keluarga di dapati seramai 3 respondan yang membahagi-duakan wang perbelanjaan rumah di antara suami isteri tetapi terdapat pula dua kes di mana wang perbelanjaan tidak tentu di antara kedua-duanya, ada kala suami yang memegang dan pada ketika yang lain pula si isteri yang memegang duit belanja rumah. Bagi yang bakinya didapati si suami yang memegang wang perbelanjaan rumah.

University of Malaya

Ia hanya memberi isterinya perbelanjaan rumah pada waktu-waktu yang diperlukan seperti untuk membeli barang-barang dapur atau kain baju. Golongan -golongan ini ada yang terdiri daripada keluarga-keluarga di mana suami isteri bekerja dengan kerajaan atau sebagai pekedai-pekedai dan isteri melakukan apa-apa pekerjaan selain daripada kerja-kerja di rumah. Di sini didapati isteri-isteri mereka menerima sahaja akan ketetapan yang dibuat oleh suaminya. Mereka menurut sahaja kerana pada pendapat mereka sudah sewajarnya suami menetapkan perbelanjaan rumah kerana mereka yang mencarikan nafkah untuk keluarga.

Jadinya dari segi ekonomi, didapati kaum wanita di kampong Jerang ini memainkan peranan yang sangat penting. Mereka turut menyumbangkan tenaga dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di kampong ini. Dalam hal perbelanjaan rumahtangga pula dapat dikatakan berdasarkan kepada persetujuan yang dicapai di antara suami dan isteri dalam satu-satu keluarga itu.

<u>Perbelanjaan dan simpanan.</u>

Kalau dilihat dari pendapatan yang diperolehi oleh respondan iaitu antara \$150 - \$300 sememangnya tidak mencukupi memandangkan keadaan sekarang barang-barang semuanya mahal.

University of Malaya

Kebanyakan wanita-wanita yang ditemui, mengeluh dengan harga barang yang meningkat 2 kali ganda sejak kebelakangan ini. Ini menyebabkab mereka terpaksa membelanjakan separuh daripada pendapatan yang diperolehi untuk keperluan makanan, perbelanjaan sekolah anak-anak dan pakaian.

Daripada perbualan secara informal, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan wanita lebih suka meyimpan wang atau barang kemas di rumah sahaja terutama di bawah bantal dan tilam.

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan mereka yang menyimpan adalah terdiri daripada wanita yang mempunyai saiz keluarga yang tidak besar dan mempunyai pendapatan yang berlebihan daripada perbelanjaan.

University of Malaya

BAB EMPAT

PERANAN WANITA DI LUAR RUMAHTANGGA.

Di dalam melihat penceburan dan peranan wanita di dalam bidang sosial di luar rumahtangga di kampong Jerang kita dapati dua corak peranan iaitu:-

(i) Peranan wanita dalam pertubuhan bercorak ekonomi.

KEMAS atau Kemajuan Masyarakat yang ditubuhkan di kampong ini, telah mengadakan banyak aktiviti-untuk kaum wanita khususnya. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS ialah mengadakan kelas jahitan, memasak, kerjatangan dan kraftangan seperti kait mengait, sulam menyulam, anyaman bakul dan tikar daripada mengkuang. Ada di antara hasil kerjatangan ini dipasarkan di pasar Rabu Simpang Durian. Pendapatan daripada hasil jualan ini bolehlah menampung sedikit sebanyak perbelanjaan dapur dan lain-lain kegunaan harian.

Di dalam hal ini KEMAS telah banyak mengelolakan projek-projek dan progrem yang selaras dengan tujuan dan matlamat kerajaan iaitu untuk menambahkan pendapatan masyarakat luar bandar. Badan ini telah berusaha menarik dan mempengaruhi kaum wanita serta cuba mengalih minat mereka supaya cenderung melakukan kerja-kerja tangan seperti menganyam berbagai perkakas daripada mengkuang.

Kerja-kerja ini dianggap lebih berfaedah dan menguntungkan wanita dan masyarakat di samping dapat pula mengasah bakat yang telah sedia ada di kalangan wanita ini. KEMAS di dalam usaha-usaha ini telah mengadakan perjumpaan sekali seminggu, iaitu hari Jumaat bertempat di Balairaya, kalau perjumpaan dilakukan di rumah salah seorang ahli-ahlinya, kegiatan memasak atau membuat kuih muih untuk pasaran dilakukan. Balairaya hanya digunakan untuk melakukan kerja-kerja tangan seperti menganyam dan menjahit.

Barang-barang yang telah siap diusahakan akan dibawa dan dikumpul di balairaya untuk ditetapkan harga bagi pasaran. Pasaran untuk barang-barang ini akan diuruskan oleh pihak KEMAS. Biasanya barang-barang yang dihasilakn oleh mereka ini dibeli oleh penduduk-penduduk tempatan itu sendiri. Pendapatan daripada jumlah jualan ini akan diserahkan kepada ketua cawangan masing-masing untuk dibahagikan kepada ahli-ahli yang terlibat.

(ii) Peranan wanita di dalam pertubuhan yang bercorak sosial.

Peranan wanita di kampong Jerang di dalam pertubuhan-pertubuhan sosial adalah amat terhad dan sedikit jika dibandingkan dengan peranan kaum lelaki.

University of Malaya

Keadaan ini terjadi kerana kaum wanita terlalu sibuk dengan urusan yang ekonomi sehinggakan tidak ada masa luang untuk mereka melibatkan diri dalam persatuan-persatuan keugamaan dan pertubuhan wanita Umno. Faktor lain yang menghalang mereka melibatkan diri ialah kebanyakan wanita di kampong ini tidak mendapat pendidikan secara formal yang tinggi, dan tidak kurang pula yang buta huruf. Pada pendapat mereka untuk bergerak cergas di dalam persatuan UMNO seseorang itu mestilah berpendidikan dan seorang yang berkalibar.

Di samping persatuan yang formal, satu lagi aktiviti sosial kaum wanita yang tidak kurang pentingnya ialah peranan yang dimainkan di dalam kenduri-kendara yang diadakan di kampong ini. Walaupun kenduri itu tidak selalu dilakukan, tetapi mungkin dalam setahun terdapat tiga atau empat kali kenduri saja. Tetapi apa yang hendak ditegaskan ialah tentang peranan yang dimainkan dan kesan-kesannya terhadap masyarakat adalah lebih bermakna daripada persatuan-persatuan formal seperti UMNO.

Misalnya jika terdapat kenduri sempena satu-satu perkahwinan yang dianggap meriah bagi orang-orangkita, maka kaum wanita di seluruh kampong akan datang menolong jiran itu walaupun terpaksa meninggalkan pekerjaan mereka seperti menoreh getah atau ke kebun.

Di dalam hal ini apa yang dipentingkan sangat ialah ikatan tali persahabatan atau persaudaraan dan perpaduan yang kuat. Di dalam hal kenduri-kendara, penyertaan wanita adalah amat perlu terutama di dalam hal masak memasak, membasuh pinggan, menyediakan hidangan dan lain-lain.

Di dalam keadaan begini, sifat tolong menolong amat dihargai dan setiap yang menolong akan ditolong pula kemudian jika ia mengadakan kenduri, seolah-olah ujudnya hubungan timbal balik.

University of Malaya

BAB AKHIR

## KESIMPULAN.

**Faktor-faktor penting yang mempengaruhi penyertaan wanita di dalam bidang sosio-ekonomi di luar rumahtangga.**

Terdapat beberapa faktor-faktor penggalak dan penghalang penglibatan wanita di dalan bidang sosio-ekonomi di luar rumahtangga. Faktor-faktor itu ialah umur, pelajaran, taraf perkahwinan, saiz famili dan perdapatan suami. Untuk itu kita akan melihat dengan lebih lanjut satu persatu faktor tersebut di dalam konteks wanita di kampong Jerang.

1. Umur.

Dari jadual 4.1, jelas dapat dilihat bahawa wanita-wanita yang giat bekerja adalah terdiri daripada wanita yang berumur di antara 21 - 40 tahun. Secara keseluruhannya, bolehlah dikatakan bahawa tenaga kerja wanita di kampong ini adalah terdiri daripada wanita-wanita separuh umur iaitu 30 tahun atau lebih. Keadaan ini bolehlah dikaitkan dengan faktor bahawa wanita di peringkat umur ini sudah tidak begitu sibuk mendidik dan mengasuh anak-anak kerana anak-anak mereka sudah besar di mana penjagaan yang rapi dan perhatian yang sepenuhnya tidak berapa diperlukan lagi. Hal ini dikaitkan dengan umur kahwin wanita-wanita ini. Pada kebiasaannya ibu bapa di kampung-kampung lebih suka mengahwinkan anak daranya sebaik sahaja anak-anak itu sampai umur.

University of Malaya

Oleh itu, wanita -wanita yang berumur 26 - 40 tahun tentu pula telah mempunyai anak-anak yang sudah besar dan dewasa. Hakikat ini pula, jelaslah bahawa wanita-wanita ini mempunyai ban yak masa luang yang membolehkan mereka menceburkan diri di dalam berbagai kegiatan ekonomi. Di samping dapat menambahkan pendapatan keluarga, wanita-wanita ini juga telah berjaya menggunakan masa terluang dengan lebih baik dan berfaedah.

Faktor umur tidak menghalang penglibatan wanita di kampung ini. Ini jelas jika dilihat penyertaan mereka di dalam pertubuhan-pertubuhan yang bercorak keugamaan seperti khairat kematian dan lain-lain. Setiap kali diadakan syarahan, ceramah ugama di balai-balai raya dan surau-surau, majoriti kehadiran ialah wanita yang berumur 35 tahun dan lebih. Keadaan ini bolehlah dikaitkan dengan fakta bahawa orang-orang tua baik lelaki atau wanita lebih berminat dengan hal-hal keugamaan.

Sebaliknya, faktor umur juga mempunyai implikasi yang negetif. Biasanya, wanita-wanita yang berumur kurang daripada 30 tahun masuh mempunyai anak kecil yang memerlukan perhatian sepenuhnya dan didikan yang sempurna. Keadaan ini telah menghadkan penglibatan wanita ini di dalam kegiatan-kegiatan di luar rumah dan sekaligus mengurangkan penyertaan mereka di dalam kedua bidang ekonomi dan sosial.

University of Malaya

Jadual 4.1: Umur respondan yang bekerja.

| Umur | Bil respondan | Bil respondan bekerja | % |
|---|---|---|---|
| 15 - 20 | 4 | 2 | 4 |
| 21 - 25 | 15 | 13 | 26 |
| 26 - 30 | 6 | 6 | 12 |
| 31 - 35 | 6 | 6 | 12 |
| 36 - 40 | 7 | 7 | 14 |
| 41 - 45 | 5 | 4 | 8 |
| 46 - 50 | 4 | 3 | 6 |
| 51 | 2 | 1 | 2 |
| Jumlah. | 50 | 42 | 84 |

2. Taraf Perkahwinan.

Penyertaan serta penglibatan wanita yang telah berumahtangga di dalam bidang pekerjaan telah meningkat dan amat ketara sekali sejak perang Dunia II. Tenaga dan buruh wanita kelihatan di setiap bidang dan firma-firma pula telah mula menerima wanita sebagai pekerja yang sama setaraf dengan kaum lelaki. Kenyataan ini boleh diimplikasikan kepada penglibatan dan penyertaan respondan di dalam kedua bidang ekonomi dan sosial. Kesemua respondan yang didapati bergiat dalam bidang ekonomi dan hampir semua pula yang terlibat di dalam bidang sosial terdiri daripada surirumah.

Penyertaan mereka tidak sedikit pun menjejas kedudukan dan peranannya sebagai seorang isteri dan ibu di dalam rumahtangga. Daripada pemerhatian pengkaji, suri rumah ini lebih suka bekerja di luar rumah, di ladang atau di kebun walaupun terpaksa membawa anak berjemur di bawah terik matahari dan terpaksa berulang alik untuk memasak.

Walaupun begitu kadar penyertaan respondan di dalam bidang sosial adalah amat kurang jika dibandingkan dengan bidang ekonomi. Keadaan ini bolehlah dikaitkan dengan fakta bahawa kebebasan seorang wanita yang telah berumahtangga bergaul di luar rumah adalah dihadkan. Walaubagaimanapun di antara dua bidang ekonomi dan sosial wanita-wanita ini meletakan bidang ekonomi sebagai yang utama memandangkan keadaan yang memaksa dan memenuhi keperluan keluarga mereka.

Daripada perbualan secara informal dengan beberapa orang wanita di sini, pengkaji mendapati bahawa wanita yang sudah berumahtangga terpaksa meminta keizinan suami untuk menyertai sebarang kegitan sosial dan ekonomi. Inilah antara sebab mengapa wanita susah untuk keluar bergaul di dalam persatuan dan pertubuhan.

Hal ini pula boleh dikaitkan dengan sikap suami terhadap penglibatan isteri di luar rumahtangga terutama di dalam bidang sosial.

Kebanyakan suami pada dasarnya, lebih suka isterinya tinggal di rumah mengendalikan urusan rumahtangga dengan baik dan sempurna. Mereka ini menganggap bahawa adalah kurang baik jika isteri bekerja dan berpesatuan. Golongan ini bolehlah kita golongkan di dalam kategori tradisionalis yang melihat isteri sebagai "house maker" dan "ibu" dan suami sebagai pelindung. Sikap dan pandangan ini sudahlah tentulah menghalang wanita ini untuk melibatkan diri di dalam kedua-dua bidang sosio-ekonomi ini.

Namun demikian, terdapat juga sebilangan suami yang bersikap agak liberal dan fikiran terbuka di mana isteri-isteri mereka dibenarkan bekerja dan memasuki sebarang persatuan sosial. Keizinan dan persetujuan timbul dari kesedaran bahawa betapa perlunya bantuan isteri di dalam menambahkan pendapatan dan meringankan bebanan mereka. Ini juga dijadikan sebagai sumber inspirasi yang boleh memajukan diri mereka di dalam segala bidang. Suami pula bertindak sebagai pendorong dan penggalak kepada isteri-isteri mereka. Seperkara lagi yang perlu dilihat ialah bagaimana pula sikap dan pandangan masyarakat terhadap penglibatan dan penyertaan wanita suri rumah ini di dalam berbagai kegiatan ekonomi dan sosial.

University of Malaya

Kebanyakan masyarakat kampung masih lagi mempunyai sikap dan pandangan yang konservatif. Mereka masih lagi berpegang kepada tradisi bahawa wanita itu adalah sebagai isteri, ibu dan pembantu rumah dan suami sebagai pencari nafkah. Isteri-isteri yang dapat menjalankan tugas dan tanggung jawab ini dengan sempurna dan baik, maka itulah isteri yang ideal dan perlu dicontohi.

3. Saiz famili dan bilangan anak.

Anak-anak memerlukan penjagaan dan penyeliaan yang sempurna dan baik, dan tanpa diragukan ibu-ibu merupakan penjaga dan pengasuh yang paling berkesan. Anak-anak kecil memerlukan kasih sayang, belaian dan tunjuk ajar daripada seorang ibu. Oleh yang demikian, tugas untuk mendidik dan mengasuh anak-anak merupakan penghalang utama ke atas penyertaan wanita di dalam kedua bidang ekonomi dan sosial.

Oleh itu, bilangan anak atau saiz keluarga yang kecil bermakna akan kuranglah tanggung jawab seseorang wanita itu. Tempoh penjagaan anak-anak yang terpaksa ditempohi oleh seseorang wanita itu juga akan berkurangan. Jadi, masa yang terluang bolehlah digunakan untuk cara ayng lebih berkesan seperti melibatkan diri di dalam kegiatan ekonomi dan sosial.

University of Malaya

Dari pemerhatian yang dibuat di dapati bahawa wanita yang bergerak cergas di dalam kedua bidang ekonomi dan sosial adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai bilangan anak yang kecil atau anak-anak yang sudah besar dan dewasa yang tidak lagi memerlukan penjagaan yang rapi. Faktor ketiga ini juga mempunyai implikasi negetif di dalam menentukan sejauh mankah perceburan dan penglibatan wanita di dalam bidang sosio-ekonomi di kampung ini. Misalnya, keluarga yang besar, memerlukan tanggung jawab yang lebih berat. Oleh itu seseorang wanita itu terpaksa tinggal di rumah dan inilah yang menghalang penyertaan wanita di dalam kegiatan luar rumah terutamanya di bidang sosial.

4. Pendapatan Suami.

Hakikat bahawa wanita-wanita yang mempunyai suami yang berpendapatan rendah dan mereka bekerja sebagai membantu menambahkan pendapatan memang menjadi kenyataan. Hakikat ini menjadi semakin nyata apabila didapati perbelanjaan semakin meningkat. Isteri-isteri meraskan keperitan bila sampai kepada soal-soal berkaitan dengan perbelanjaan dapur, persekolahan dan makan pakai keluarga. Pendapatan suami sahaja tidak boleh menampung semua ini tanpa dibantu. Oleh yang demikian, respondan-respondan merasakan bahawa adalah wajar kalau mereka juga turut melibatkan diri dalam pekerjaan untuk menambahkan pendapatan keluarga.

University of Malaya

Tetapi di dalam hal ini tidak semua pula yang boleh melaksanakan, kerana mereka terpaksa menjalankan tanggung jawab yang lebih penting dan utama iaitu menjaga anak-anak yang masih kecil dan ramai serta lain-lain faktor yang membebani mereka.

University of Malaya

CATATAN

(1) Buku cenderamata pelancaran projek sosio- ekonomi dan khemah kerja anjuran UMNO Bahagian Jelebu dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan peringkat Daerah Jelebu pada 6 April 1985, di kampung Bemban, Teriang Hilir , Jelebu.

(2) Temubual dengan Ketua Pemuda UMNO Kampung Jerang , Encik Zulkifli Haji Ahmad.

(3) Temu bual dengan Ketua Kampung Jerang, Haji Arshad bin Kassim.

(4) Temubual dengan Ketua KEMAS Kampung Jerang, puan Sharifah Ainon Syed Ali.

(5) Temu bual dengan ahli jawatan kuasa KEMAS.

(6) Temu bual dengan penduduk-penduduk Kampung Jerang.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI:


1. Azizah Kassim, Wanita dan Masyarakat, Utusan Publications &Distributors Sdn. Bhd., 1985.
2. Barbara E. Ward, Women in the new Asia: The Changing Social Roles of Men and Women in South and South-East Asia. UNESCO, 1964.
3. Dahlstrom, Edmund, The Changing Roles of Men and Women.
4. Friedl, Enerstine, Women and Men: An Antropologist's View, Holt, Rinehart and Winston, New York 1975.
5. Hing Ai Yun, Nik Safiah & Rokiah Talib. Women in Malaysia, A Planduk Publication, Kuala Lumpur, 1985.
6. Huber, Joan, Changing Women ia a Changing Society, University of Chicago Press, Chicago, 1973.
7. Laws, Judith Long, The Second X: Sex Role and Social Role, Elsevier North Holland Inc, 1979.
8. Linton, Ralph, The Study of Man, Adalin Summer Linton, 1964.
9. Martha, Darling, The Role of Women in Economy: Organization for Economic Cooperation and Deveplopment, France, 1975.
10. Mazidah Zakaria, Penglibatan Wanita Luarbandar dalam Aktiviti Ekonomi: Tumpuan terhadap masalah yang dihadapi Majalah Wanita, Mei, 1981, Kumpulan Utusan Melayu (M). Bhd.
11. Rosaldo. M.Z, Women, Culture and Society, Stamford California, Stamford University Press 1974.


University of Malaya

12. Selltiz, Claire, <u>Research Methods in Social Relations,</u> Revised one- volume edition, New York 1959.

13. S. Nilakusuma, <u>Wanita Di Dalam dan Di Luar Rumahtangga</u>, Edisi Ketiga, N.V. Nusantara, Bukit Tinggi, Sumatra, Indonesia, 1960.

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI